



MASJID AL FIRDAUS BANDAR BARU SELAYANG

مسجد الفirdaus

MASJID ALFIRDAUS

Persiaran Pegawai, KM 16 Jalan Rawang, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

No. Telefon : 03-61271721

Email : masjidalfirdausofficial@gmail.com

Website : www.facebook.com/masjidalfirdaus

PERATURAN

**BIRO KHAIRAT KEMATIAN MASJID AL FIRDAUS,
BANDAR BARU SELAYANG**

REKOD SEMAKAN

Tarikh	Bab / Para	Rumusan Semakan	Tandatangan Pengerusi Biro
1 Januari 2024	-	Terbitan Baharu	 <i>Biro Khairat Kemotian</i>
13 November 2024	5.3	Tambahbaik klausa	 <i>Biro Khairat Kemotian</i>
	PERKARA 18	Pertambahan Klausa	

PERATURAN

BIRO KHAIRAT KEMATIAN MASJID AL FIRDAUS, BANDAR BARU SELAYANG

PERKARA 1 – TAFSIRAN

Dalam peraturan ini, istilah-istilah yang digunakan membawa maksud seperti yang dinyatakan di bawah ini:

Ahli Kariah – Mereka yang bermastautin di bawah kariah Masjid Al Firdaus, Bandar Baru Selayang dan di bawah kariah surau-surau yang di selia oleh Nazir Masjid Al Firdaus, Bandar Baru Selayang

Ahli Khairat – Ketua keluarga atau orang perseorangan samaada lelaki atau wanita yang beragama Islam yang telah diluluskan permohonannya oleh Ahli Jawatankuasa untuk menjadi ahli Biro Khairat Kematian Masjid Al Firdaus (BKKMAF) Bandar Baru Selayang.

Ahli Jawatankuasa – Ahli Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Nazir Masjid Al-Firdaus BBS dan dilantik oleh Mesyuarat Jawatankuasa Masjid serta dipersetujui oleh Nazir Masjid.

Juru Audit – Seseorang yang dipilih oleh Pengurusan Masjid Al-Firdaus, Bandar Baru Selayang semasa Mesyuarat Agung Masjid.

Mesyuarat Ahli Jawatankuasa – Pertemuan secara rasmi dalam kalangan ahli jawatankuasa BKKMAF Bandar Baru Selayang yang dipilih atau dilantik bertujuan untuk membuat sesuatu keputusan terhadap apa-apa juga perkara, menyelesaikan sebarang masalah yang berbangkit, menafsir sebarang peruntukan dalam Peraturan yang kurang jelas, menyemak dan menerima laporan kewangan bagi tempoh tertentu dan sebagainya seperti yang ditentukan dalam agenda mesyuarat.

Pengerusi – Nazir Masjid Al-Firdaus merupakan Pengerusi BKKMAF Bandar Baru Selayang secara automatik.

Tanggungan – Mereka yang didaftarkan oleh ahli khairat sebagai orang-orang di bawah tanggungannya seperti yang disenaraikan di Perkara 7 Peraturan ini, yang layak menikmati perkhidmatan dan faedah dari BKKMAF Bandar Baru Selayang.

Wang Sumbangan Khairat – Jumlah wang yang ditetapkan untuk disumbang bagi tempoh masa satu tahun untuk seseorang itu kekal menjadi ahli BKKMAF Bandar Baru Selayang.

PERKARA 2 – NAMA

Badan ini dikenali dengan nama **BIRO KHAIRAT KEMATIAN MASJID AL FIRDAUS, BANDAR BARU SELAYANG** atau ringkasnya "**BKKMAF Bandar Baru Selayang**" yang beroperasi di bawah Jawatankuasa Masjid Al Firdaus, Bandar Baru Selayang.

PERKARA 3 – TEMPAT URUSAN BIRO

Alamat berdaftar dan tempat urusan Biro ini adalah seperti di bawah atau di tempat lain yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Ahli Jawatankuasa.

**BIRO KHAIRAT KEMATIAN
MASJID AL-FIRDAUS
PERSIARAN PEGAWAI
BANDAR BARU SELAYANG
68100 BATU CAVES, SELANGOR**

PERKARA 4 – MATLAMAT

Memberikan perkhidmatan pengurusan jenazah untuk ahli yang berdaftar dengan BKKMAF Bandar Baru Selayang termasuk tanggungan mereka. BKKMAF Bandar Baru Selayang juga bersedia untuk menguruskan jenazah mereka yang bukan ahli BKKMAF Bandar Baru Selayang dengan dikenakan bayaran yang telah ditetapkan.

PERKARA 5 – KELAYAKAN MENJADI AHLI

Pendaftaran untuk menjadi ahli BKKMAF Bandar Baru Selayang hendaklah dibuat melalui Sistem e-Khairat Masjid Al-Firdaus atau dengan mengisi borang permohonan menyertai ahli khairat kematian dan ianya terbuka kepada semua penduduk di dalam khariah masjid Al-Firdaus, Bandar Baru Selayang:

- 5.1 Ketua keluarga (lelaki atau wanita) yang beragama Islam yang merupakan ahli kariah Masjid Al Firdaus, Bandar Baru Selayang.
- 5.2 Orang perseorangan (lelaki atau wanita) yang beragama Islam yang merupakan ahli kariah Masjid Al Firdaus, Bandar Baru Selayang.
- 5.3 Mana-mana individu sama ada ketua keluarga atau orang perseorangan (lelaki atau wanita) yang beragama Islam yang diluluskan oleh Ahli Jawatankuasa untuk menjadi ahli BKKMAF Bandar Baru Selayang. Bagi individu yang beralamat di luar khariah Masjid Al-Firdaus manfaat yang diterima adalah untuk dirinya sahaja dan tidak terpakai untuk waris/tanggunganannya.
- 5.4 Bukan Warganegara hanya layak untuk mendaftar atas namanya sahaja manakala tanggungannya perlu didaftarkan atas nama tanggungan tersebut secara berasingan (secara individu).
- 5.5 Telah membayar wang sumbangan khairat yang telah ditetapkan seperti berikut:
 - 5.5.1 Ahli Khairat – Wang Sumbangan Khairat Tahunan adalah sebanyak **RM 50.00**. BKKMAF berhak menilai semula nilai sumbangan tahunan mengikut kesesuaian.
- 5.6 Seseorang ahli layak menerima manfaat Hak Ahli daripada BKKMAF Bandar Baru Selayang selepas tarikh permohonan diluluskan.

PERKARA 6 – MEREKA YANG TIDAK LAYAK MENJADI AHLI

Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa berhak untuk menolak permohonan untuk menjadi ahli dari seseorang pemohon atas sebab-sebab berikut:

- 6.1 Pemohon yang tidak menepati salah satu syarat dalam Perkara 5.

- 6.2 Pemohon tidak memberikan maklumat yang benar serta sahih terhadap dirinya atau tanggungannya semasa membuat permohonan untuk menjadi ahli.
- 6.3 Terdapat percanggahan fakta yang diisi di dalam borang keahlian terhadap keadaan sebenar pemohon atau tanggungannya.
- 6.4 Penerimaan dan penolakan keahlian adalah atas budi bicara Ahli Jawatankuasa BKKMAF Bandar Baru Selayang. Dalam hal ini, Mesyuarat AJK berhak menolak sesuatu permohonan untuk menjadi ahli tanpa perlu memberikan alasan.

PERKARA 7 – TAKRIFAN TANGGUNGAN AHLI. *

****Nota: Tidak terpakai untuk Bukan Warganegara dan Ahli Beralamat di Luar Khariah***

Tanggungan bagi seseorang Ahli Khairat adalah:

- 7.1 Suami atau isteri (yang sah dari segi syara' dan Undang-Undang Malaysia) kepada Ahli Khairat yang telah membuat permohonan untuk menjadi ahli BKKMAF Bandar Baru Selayang serta diluluskan keahliannya oleh AJK BKKMAF Bandar Baru Selayang.
- 7.2 Anak kandung, anak tiri atau anak angkat Ahli Khairat yang belum berkahwin dan tinggal sebumbung.
- 7.3 Anak kandung atau anak tiri Ahli Khairat yang kurang upaya atau OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Bagi kategori ini bukti pendaftaran dengan JKM perlu disertakan.
- 7.4 Ibu/bapa kandung atau ibu/bapa mertua atau adik-beradik yang tinggal sebumbung atau dalam jagaan Ahli Khairat kecuali adik-beradik yang telah berkahwin.

PERKARA 8 – HAK AHLI.

Sebagai Ahli Khairat, seseorang itu berhak:

- 8.1 Menikmati pakej perkhidmatan pengurusan jenazah secara percuma apabila berlaku kematian atas dirinya dan juga tanggungannya yang berdaftar dan layak.
- 8.2 Bagi situasi pengurusan jenazah Ahli Khairat/Tanggungan yang diuruskan oleh ahli/wari sepertimana di Perkara 14 dan Perkara 15, ahli/waris boleh membuat tuntutan berdasarkan kos sebenar pengurusan jenazah dengan mengisi borang yang disediakan oleh BKKMAF. Namun begitu, jumlah yang diluluskan adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa BKKMAF.

** Nota: kos sebenar adalah caj yang dikenakan kepada Ahli/Waris oleh Pihak Yang Menguruskan Jenazah yang dilakukan mengikut cara dan caj kebiasaan BKKMAF.*

PERKARA 9 – PEMINDAHAN KEAHLIAN

Jika seorang Ahli Khairat meninggal dunia:

- 9.1 Keahliannya TIDAK BOLEH dipindahkan kepada pasangan (suami/isteri) atau waris/tanggungan.
- 9.2 Pasangan (suami/isteri) atau waris/tanggungan perlu mendaftar sebagai Ahli Khairat yang baharu mengikut ketentuan yang telah ditetapkan dalam Peraturan ini.

- 9.3 Jika Ahli Khairat berpisah atau bercerai dengan pasangannya, maka pasangannya terbatal dari menjadi tanggungan kepada Ahli Khairat berkenaan. Bagaimanapun anak/anak-anak atau anak/anak-anak tiri atau anak/anak-anak angkat yang masih belajar, belum bekerja serta belum berkahwin serta anak bertaraf OKU yang tinggal bersama Ahli Khairat berkenaan akan terus menikmati hak-hak mereka mengikut ketentuan yang telah ditetapkan dalam Peraturan ini.

PERKARA 10 – TANGGUNGJAWAB AHLI

Semua ahli bertanggungjawab untuk:

- 10.1 Mematuhi semua syarat yang ditetapkan dalam Peraturan BKKMAF Bandar Baru Selayang serta apa-apa keputusan yang dibuat oleh Ahli Jawatankuasa BKKMAF Bandar Baru Selayang terhadap satu-satu perkara dari semasa ke semasa.
- 10.2 Menjelaskan wang sumbangan Khairat tahunan sebelum berakhir bulan Mac tahun semasa.
- 10.3 Mengemaskini maklumat-maklumat berkaitan secara berkala melalui Sistem e-Khairat atau mengemukakan borang kemaskini maklumat kepada Setiausaha BKKMAF Bandar Baru Selayang sebarang pertukaran alamat, nombor telefon, penambahan atau pengurangan tanggungan. Kegagalan Ahli Khairat melaporkan penambahan tanggungan akan menyebabkan tanggungan tersebut tidak menikmati faedah yang sewajarnya.
- 10.4 Memaklumkan kepada pihak BKKMAF Bandar Baru Selayang jika berlaku kematian dalam kalangan tanggungannya.

PERKARA 11 – PEMBERHENTIAN MENJADI AHLI ATAU DIGUGURKAN DARI MENJADI AHLI

Seseorang Ahli Khairat dianggap berhenti daripada menjadi ahli sekiranya:

- 11.1 Ahli berkenaan membuat permohonan secara bertulis kepada Setiausaha BKKMAF Bandar Baru Selayang untuk berhenti dari menjadi ahli BKKMAF Bandar Baru Selayang. Dalam hal ini, ahli berkenaan tidak layak menuntut semua wang sumbangan khairat dan wang pendaftaran yang telah dibuat kepada BKKMAF Bandar Baru Selayang sebelum ini.
- 11.2 Ahli berkenaan gagal menjelaskan yuran tahunannya selama dua (2) tahun berturut-turut. Dalam hal ini, ahli berkenaan tidak layak menuntut semua wang sumbangan khairat dan wang pendaftaran yang telah dibuat kepada BKKMAF Bandar Baru Selayang sebelum ini.
- 11.3 Ahli berkenaan berpindah keluar dari kariah Masjid Al Firdaus, Bandar Baru Selayang. Dalam hal ini, ahli berkenaan tidak layak menuntut wang sumbangan khairat dan wang pendaftaran yang telah dibuat kepada BKKMAF Bandar Baru Selayang sebelum ini sehingga keahlian tamat.
- 11.4 Seseorang ahli boleh diberhentikan keahliannya oleh Ahli Jawatankuasa jika didapati dengan sengaja ingkar mematuhi mana-mana syarat dalam Peraturan ini atau mengingkari sebarang keputusan yang dibuat oleh Ahli Jawatankuasa terhadap sesuatu perkara; atau menghasut ahli-ahli lain untuk mengingkari mana-mana syarat dalam Peraturan ini atau sebarang keputusan yang dibuat oleh Ahli Jawatankuasa terhadap sesuatu perkara; atau bertindak/berkelakuan yang dapat memudharatkan

keutuhan Biro ini; atau atas sebab-sebab yang menurut pertimbangan Ahli Jawatankuasa mewajarkan ahli berkenaan diberhentikan dari menjadi ahli. Dalam hal ini, ahli berkenaan tidak layak menuntut wang sumbangan khairat dan wang pendaftaran yang telah dibuat kepada BKKMAF Bandar Baru Selayang sebelum ini.

PERKARA 12 – SUMBER KEWANGAN.

Sumber kewangan BKKMAF Bandar Baru Selayang adalah daripada:

- 12.1 Wang Sumbangan Khairat tahunan yang dijelaskan oleh Ahli Khairat sebelum akhir bulan Mac pada tiap-tiap tahun.
- 12.2 Sumbangan dari orang ramai yang dibuat melalui Tabung Khairat Kematian yang diletakkan di Masjid Firdaus, Bandar Baru Selayang.
- 12.3 Sumbangan khas daripada ahli-ahli Khairat untuk perkara-perkara tertentu dengan persetujuan Ahli Jawatankuasa.
- 12.4 BKKMAF Bandar Baru Selayang dibenarkan untuk menerima apa-apa juga jenis pemberian samaada dalam bentuk kewangan, hibah, infaq, hadiah, barangan/produk, wakaf, perkhidmatan dan sebagainya dari mana-mana individu atau mana-mana badan atau organisasi.
- 12.5 BKKMAF Bandar Baru Selayang boleh menjalankan kegiatan ekonomi seperti menjual, membeli, melabur, menyewa, memiliki harta alih dan tak alih serta lain-lain kegiatan ekonomi yang bersesuaian dan dibenarkan oleh syara'.

PERKARA 13 – PERKHIDMATAN PENGURUSAN JENAZAH

Pakej pengurusan jenazah yang disediakan oleh BKKMAF Bandar Baru Selayang kepada ahli-ahli dan tanggungan mereka meliputi perkara-perkara berikut:

- 13.1 Menasihati pihak waris untuk mendapatkan Daftar Kematian serta Permit Mengubur JPN.LM02 (Pin.1/11) dari pihak hospital (jika simati meninggal dunia di hospital) atau dari pihak polis (Am 138) jika simati meninggal dunia di rumah.
- 13.2 Berurusan dengan pihak pengurusan Tanah Perkuburan Islam berhampiran untuk urusan pengkebumian. (Tanah Perkuburan Islam Bukit Kanching, Tanah Perkuburan Islam Selayang Baru dan Tanah Perkuburan Islam Bukit Lagong)
- 13.3 Menguruskan van jenazah untuk membawa jenazah ke Masjid Al Firdaus, Bandar Baru Selayang atau ke tanah perkuburan atau ke tempat yang diminta oleh waris berdasarkan persetujuan antara waris dan BKKMAF. Bagaimanapun pihak waris perlu berbincang dengan pihak BKKMAF Bandar Baru Selayang sekiranya melibatkan perjalanan luar dari kawasan kariah masjid.
- 13.4 Menyediakan peralatan untuk memandikan jenazah di Masjid Al Firdaus, Bandar Baru Selayang termasuk menyediakan kelengkapan kain kafan.
- 13.5 Melaksanakan proses memandi, mengkafan serta menyolatkan jenazah.
- 13.6 Membawa jenazah ke tanah perkuburan untuk dikebumikan dan menguruskan pembacaan talqin dan tahlil.
- 13.7 Mengadakan majlis tahlil bagi arwah simati di Masjid Al Firdaus, Bandar Baru Selayang pada malam pertama atau mengikut kesesuaian.

PERKARA 14 – PENGURUSAN JENAZAH YANG DILAKUKAN DI HOSPITAL OLEH PIHAK KETIGA

Jika pengurusan (bermula dari mandi sehingga kafan) jenazah seseorang ahli berdaftar atau tanggungannya dibuat di hospital, maka ketentuannya adalah seperti berikut:

- 14.1 Urusan membawa jenazah dari hospital ke Masjid Al Firdaus, Bandar Baru Selayang boleh diuruskan oleh BKKMAF seperti dinyatakan di Perkara 13.3. Bagaimanapun pihak waris boleh berbincang dengan pihak BKKMAF Bandar Baru Selayang berkaitan keperluan tersebut.
- 14.2 Urusan solat jenazah di Masjid Al Firdaus, Bandar Baru Selayang akan diuruskan oleh pihak BKKMAF Bandar Baru Selayang.
- 14.3 Urusan membawa jenazah dari Masjid Al Firdaus, Bandar Baru Selayang ke tanah perkuburan seperti yang dinyatakan di item 13.3 akan diuruskan oleh pihak BKKMAF Bandar Baru Selayang.
- 14.4 Urusan mengebumikan jenazah serta bacaan talqin di tanah perkuburan Islam seperti yang dinyatakan di item 13.6 akan dilaksanakan oleh pihak BKKMAF Bandar Baru Selayang.
- 14.5 Mengadakan majlis tahlil di Masjid Al Firdaus, Bandar Baru Selayang pada malam pertama atau mengikut kesesuaian.
- 14.6 Ahli/Waris boleh menuntut kos pengurusan jenazah bagi memandikan dan mengkafankan jenazah sepertimana yang dinyatakan di Perkara 8.2.

PERKARA 15 – PENGURUSAN JENAZAH DILAKUKAN TANPA MELIBATKAN BKKMAF BANDAR BARU SELAYANG.

Jika pengurusan jenazah seseorang ahli khairat atau tanggungannya dilakukan sendiri oleh keluarga simati tanpa melibatkan BKKMAF Bandar Baru Selayang, maka pihak BKKMAF Bandar Baru Selayang akan:

- 15.1 Menyerahkan perbelanjaan pengurusan jenazah sepertimana dinyatakan dalam Perkara 8.2.
- 15.2 Mengadakan majlis tahlil di Masjid Al Firdaus, Bandar Baru Selayang pada malam pertama atau mengikut kesesuaian.

PERKARA 16 – PENGURUSAN JENAZAH BAGI BUKAN AHLI BKKMAF BANDAR BARU SELAYANG.

Pengurusan jenazah bagi mereka yang bukan ahli BKKMAF Bandar Baru Selayang, AKAN DIKENAKAN BAYARAN tertentu yang meliputi urusan-urusan berikut mengikut kepada permintaan pihak waris:

- 16.1 Menasihati waris simati untuk mendapatkan Daftar Kematian serta Permit Mengubur JPN.LM02 (Pin.1/11) dari pihak hospital (jika simati meninggal dunia di hospital) atau dari pihak polis (Am 138) jika simati meninggal dunia di rumah.
- 16.2 Membantu menguruskan tanah perkuburan.
- 16.3 Membantu menguruskan van jenazah.

- 16.4 Menyediakan peralatan untuk memandikan jenazah di Masjid Al Firdaus, Bandar Baru Selayang termasuk kelengkapan kain kafan.
- 16.5 Memandi, mengkafan serta menyolatkan jenazah.
- 16.6 Membawa jenazah ke tanah perkuburan Islam.
- 16.7 Mengadakan majlis tahlil di Masjid Al Firdaus, Bandar Baru Selayang pada malam pertama atau mengikut kesesuaian.

PERKARA 17 – PERKARA-PERKARA YANG TIDAK TERMASUK DALAM PAKEJ PENGURUSAN JENAZAH OLEH BKKMAF BANDAR BARU SELAYANG.

Jika keluarga simati berhasrat menguburkan simati di tempat SELAIN daripada Tanah Perkuburan Islam Bukit Kanching, Tanah Perkuburan Islam Selayang Baru dan Tanah Perkuburan Islam Bukit Lagong, ianya perlu diuruskan sendiri oleh keluarga simati dengan pihak pengurusan tanah perkuburan berkenaan. Bagaimana pun pihak waris perlu berbincang dengan pihak BKKMAF Bandar Baru Selayang sekiranya melibatkan perjalanan luar dari khariah masjid.

PERKARA 18 – KEMATIAN DAN PENGURUSAN JENAZAH DI LUAR NEGARA.

Sekiranya ahli berdaftar atau tanggungan meninggal dunia dan jenazahnya diuruskan di luar negara, BKKMAF Bandar Baru Selayang akan memberikan sumbangan khas berdasarkan jumlah yang dipersetujui dalam Mesyuarat AJK dan satu majlis tahlil di Masjid Al Firdaus, Bandar Baru Selayang akan diadakan mengikut kesesuaian.

PERKARA 19 – KEMATIAN DIMANA JASAD SIMATI GAGAL DITEMUI/HILANG.

Dalam Peraturan ini, jasad ahli berdaftar atau tanggungannya dikatakan gagal ditemui atau hilang jika jasadnya gagal ditemui dalam tempoh satu (1) tahun selepas kehilangannya dilaporkan atau ada bukti yang mencukupi dikemukakan untuk kepuasan AJK BKKMAF Bandar Baru Selayang yang membawa kesimpulan bahawa ahli berdaftar atau tanggungnya itu mengalami kecederaan badan akibat suatu kemalangan, walaupun ianya berlaku di tempat lain.

Dalam hal ini, BKKMAF Bandar Baru Selayang akan memberikan sumbangan khas berdasarkan jumlah yang dipersetujui dalam Mesyuarat AJK. Sumbangan khas ini dibayar kepada ahli/waris/tanggungan pertama.

PERKARA 20 – PENGIMPORAN DAN PENGEKSORTAN MAYAT.

Tindakan mengimport dan mengeksport mayat atau mana-mana bahagiannya hendaklah diuruskan sendiri oleh waris simati mengikut peruntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengimportan dan Pengeksportan Mayat, Tisu Manusia dan Organisma dan Bahan Patogenik), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

PERKARA 21 – PENGENDALIAN JENAZAH BAGI PEMBAWA DAN PESAKIT HIV/AIDS, WABAK ATAU PENYAKIT KATEGORI BERJANGKIT

Pihak BKKMAF Bandar Baru Selayang TIDAK AKAN mengendalikan jenazah bagi pembawa dan pesakit HIV/AIDS, wabak atau apa-apa penyakit yang dikategori berjangkit atau merbahaya oleh pihak berkuasa. Bagaimanapun kos pengurusan jenazah mengikut tatacara biasa akan ditanggung oleh BKKMAF Bandar Baru Selayang sepertimana di Perkara 8.2.

PERKARA 22 – AHLI JAWATANKUASA BKKMAF BANDAR BARU SELAYANG

BKKMAF Bandar Baru Selayang akan ditadbir oleh Ahli Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Nazir Masjid Al-Firdaus. Keahlian jawatankuasa lain adalah dilantik oleh Mesyuarat Jawatankuasa Masjid Al-Firdaus dengan persetujuan Nazir Masjid. Senarai Jawatankuasa dan komposisinya adalah seperti berikut:

- a. Seorang Pengerusi.
- b. Seorang Timbalan Pengerusi.
- c. Seorang Setiausaha
- d. Seorang Penolong Setiausaha
- e. Seorang Bendahari
- f. Tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa

PERKARA 23 – TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB AHLI JAWATANKUASA

Tugas dan tanggungjawab Ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:

23.1 Pengerusi.

Pengerusi dalam tempoh menyandang jawatannya, hendaklah menjadi pengerusi bagi semua Mesyuarat Ahli Jawatankuasa serta bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan BKKMAF Bandar Baru Selayang selaras dengan matlamatnya. Beliau mempunyai kuasa budibicara dan kuasa pemutus dalam perkara-perkara tertentu.

23.2 Timbalan Pengerusi.

Timbalan Pengerusi akan membantu Pengerusi bagi mentadbir dan mengurus perjalanan BKKMAF Bandar Baru Selayang. Beliau hendaklah melaksanakan tugas sebagai Pengerusi semasa ketiadaan Pengerusi atau diarahkan Pengerusi ke atasnya.

23.3 Setiausaha

Setiausaha hendaklah mengurus dan mentadbir BKKMAF Bandar Baru Selayang mengikut peraturan serta melaksanakan semua keputusan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa. Beliau bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua rekod dan dokumen milik BKKMAF Bandar Baru Selayang.

Setiausaha juga hendaklah menyelenggara dan mengemaskinikan senarai daftar ahli dan borang keahlian yang mengandungi maklumat ahli seperti nama ahli, senarai tanggungan ahli dan alamat rumah tiap-tiap ahli. Beliau juga hendaklah hadir dalam setiap kali diadakan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa bagi membuat catatan mesyuarat serta menyediakan minit mesyuarat.

23.4 Penolong Setiausaha

Penolong Setiausaha hendaklah membantu Setiausaha dalam melaksanakan tugas-tugasnya dan memangku jawatan Setiausaha semasa ketiadaan Setiausaha.

23.5 Bendahari

Bendahari bertanggungjawab terhadap semua hal ehwal kewangan BKKMAF Bandar Baru Selayang. Beliau juga bertanggungjawab sepenuhnya atas ketepatan penyata

kewangan BKKMAF Bandar Baru Selayang yang terdiri daripada penyata penerimaan dan perbelanjaan BKKMAF Bandar Baru Selayang.

Bendahari dikehendaki menyerahkan Laporan Kewangan Tahunan dan Laporan Kewangan Bulanan kepada Juruaudit untuk diaudit. Beliau juga dikehendaki menguruskan kutipan yuran tahunan dari ahli-ahli serta mengeluarkan resit rasmi BKKMAF Bandar Baru Selayang terhadap semua penerimaan wang.

23.6 Ahli-Ahli Jawatankuasa

Ahli Jawatankuasa dikehendaki menghadiri semua Mesyuarat AJK dan membantu menghebahkan maklumat-maklumat tertentu kepada ahli-ahli. Ahli Jawatankuasa juga dikehendaki memberikan bantuan dalam menguruskan jenazah apa-bila berlaku sesuatu kematian.

Semua AJK dikehendaki melaksanakan tugas yang diarahkan oleh Pengerusi dan Mesyuarat AJK dari semasa ke semasa.

PERKARA 24 – JURUAUDIT

Juruaudit yang dilantik oleh pihak Pengurusan Masjid Al-Firdaus, Bandar Baru Selayang. Juruaudit berperanan dalam memeriksa, menyemak dan mengesahkan penyata kewangan BKKMAF Bandar Baru Selayang yang diterima dari Bendahari. Juruaudit hendaklah membuat perakuan dan menandatangani penyata kewangan tersebut untuk semakan dan kelulusan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa.

Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa apabila diarahkan oleh Pengerusi untuk mengaudit penyata kewangan BKKMAF Bandar Baru Selayang dan mengemukakan laporan mereka kepada Ahli Jawatankuasa.

PERKARA 25 – PROGRAM TAHUNAN BERSAMA AHLI BIRO

Program tahunan bersama ahli biro akan diadakan mengikut kesesuaian bagi tujuan berikut:

- (i) Memaklumkan kepada ahli biro berkenaan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun sebelumnya;
- (ii) Memaklumkan kepada ahli biro berkenaan sumbangan dan perbelanjaan Biro dalam tahun sebelumnya; dan
- (iii) Sebagai platform bagi perbincangan berkenaan perkara-perkara yang berkaitan seperti Undang-Undang Biro, Perancangan Tahunan dan sebagainya

PERKARA 26 – MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA

Tatacara pengendalian Mesyuarat Ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:

- 26.1 Mesyuarat Ahli Jawatankuasa BKKMAF Bandar Baru Selayang hendaklah diadakan sekurang-kurangnya tiga kali setahun atau mengikut keperluan pada bila-bila masa yang dirasakan bersesuaian oleh Pengerusi.
- 26.2 Notis Mesyuarat Ahli Jawatankuasa hendaklah dikeluarkan (secara bertulis atau melalui platform digital yang bersesuaian) kepada semua Ahli Jawatankuasa tujuh hari sebelum Mesyuarat Ahli Jawatankuasa akan diadakan.
- 26.3 Satu pertiga daripada bilangan Ahli Jawatankuasa merupakan korum bagi Mesyuarat Ahli Jawatankuasa.
- 26.4 Sekiranya korum Mesyuarat Ahli Jawatankuasa tidak mencukupi, maka Pengerusi boleh menangguhkan mesyuarat selama setengah jam.

- 26.5 Sekiranya selepas menunggu setengah jam, bilangan Ahli Jawatankuasa yang hadir masih belum mencukupi korum, maka Pengerusi boleh sama ada menangguhkan mesyuarat tersebut ke tarikh lain; atau meneruskan mesyuarat dengan syarat mesyuarat tersebut tidak boleh menyentuh atau meminda dasar BKKMAF Bandar Baru Selayang atau meluluskan peruntukan kewangan yang dibenarkan oleh Peraturan ini yang memberi kuasa kepada Ahli Jawatankuasa untuk meluluskannya.

PERKARA 27 – PEMBERHENTIAN AHLI JAWATANKUASA

Semua Ahli Jawatankuasa boleh diberhentikan dari jawatan mereka sekiranya:

- 27.1 Mereka membuat permohonan secara bertulis kepada Ahli Jawatankuasa tentang hasrat mereka untuk berhenti dari memegang jawatan yang disandang.
- 27.2 Mereka gagal menghadiri Mesyuarat Ahli Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa sebarang alasan yang munasabah.
- 27.3 Mereka tidak menunjukkan minat untuk terus memegang jawatan yang disandang.
- 27.4 Mereka didapati dengan sengaja ingkar mematuhi Peraturan BKKMAF Bandar Baru Selayang atau sebarang keputusan yang dibuat oleh Ahli Jawatankuasa terhadap sesuatu perkara; atau menghasut Ahli Jawatankuasa atau ahli-ahli yang lain untuk mengingkari syarat dalam Peraturan ini atau sebarang keputusan yang dibuat oleh Ahli Jawatankuasa terhadap sesuatu perkara; atau bertindak/berkelakuan yang dapat memudharatkan keutuhan pertubuhan ini; atau atas sebab-sebab yang menurut pertimbangan Ahli Jawatankuasa yang lain mewajarkan yang berkenaan diberhentikan dari terus memegang jawatannya.
- 27.5 Apabila berlaku kekosongan sesuatu jawatan akibat diberhentikan menurut Perkara 27.1 hingga 27.4. di atas maka prosidur lantikan sepertimana dinyatakan pada Perkara 22 akan berkuatkuasa.

PERKARA 28 – PROSIDUR DAN URUSAN KEWANGAN

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut, wang BKKMAF Bandar Baru Selayang hanya boleh digunakan untuk pengurusan khairat kematian ahli/tanggungan dan perkara-perkara yang berkaitan serta relevan dengan aktiviti-aktiviti BKKMAF Bandar Baru Selayang termasuklah perbelanjaan pentadbiran.

- 28.1 Bendahari dibenarkan menyimpan wang tunai (dalam bentuk panjar wang runcit) tidak melebihi RM 2,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja) pada satu-satu masa. Wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk perbelanjaan bagi pengurusan jenazah. Wang yang melebihi dari jumlah tersebut mestilah dimasukkan ke dalam akaun bank yang dikhususkan untuk BKKMAF Bandar Baru Selayang.
- 28.2 Semua cek atau kenyataan pengeluaran wang dari akaun BKKMAF Bandar Baru Selayang hendaklah ditandatangani bersama oleh dua orang pegawai BKKMAF Bandar Baru Selayang iaitu oleh Bendahari (wajib) bersama Pengerusi atau Setiausaha.
- 28.3 Perbelanjaan RM 3,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ribu Sahaja) dan ke bawah pada satu-satu masa boleh diluluskan oleh Pengerusi dengan persetujuan Setiausaha dan Bendahari. Namun perlu dilaporkan dalam Mesyuarat AJK.

- 28.4 Perbelanjaan yang melebihi RM 3,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ribu Sahaja) dalam sesuatu masa tidak boleh dibayar tanpa diluluskan terlebih dahulu oleh Mesyuarat Ahli Jawatankuasa.
- 28.5 Penyata kewangan tahunan hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa serta disemak oleh Juru Audit setelah tamatnya tahun kewangan berkenaan. Penyata kewangan yang telah diaudit itu akan dimaklumkan kepada Ahli Biro secara tahunan.
- 28.6 Tahun kewangan BKKMAF Bandar Baru Selayang hendaklah bagi tempoh 12 bulan bermula dari 1 Januari hingga 31 Disember.

PERKARA 29 – TABUNG KHAIRAT KEMATIAN.

Sebuah peti/bekas yang dinamakan Tabung Khairat Kematian diletakkan di Masjid Al-Firdaus, BBS atau tempat-tempat lain yang bersesuaian. Tabung ini akan dibuka sebulan sekali oleh Bendahari dengan kehadiran minima dua orang Ahli Jawatankuasa BKKMAF Bandar Baru Selayang yang lain sebagai saksi. Sumbangan yang diterima dari tabung ini boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti BKKMAF Bandar Baru Selayang sepertimana yang dinyatakan dalam Perkara 28.

PERKARA 30 – PENTADBIR HARTA

Semua harta tidak alih milik BKKMAF Bandar Baru Selayang adalah dibawah pentadbiran Masjid Al-Firdaus, Bandar Baru Selayang.

PERKARA 31 – TAFSIRAN TERHADAP PERATURAN BIRO

Ahli Jawatankuasa berhak untuk memberikan tafsirannya terhadap Peraturan yang tidak jelas atau dipertikaikan maksudnya atau tidak disebut secara khusus dalam Peraturan ini. Dalam hal ini, maksud yang putuskan oleh Ahli Jawatankuasa terhadap perkara tersebut adalah muktamad (*binding*).

PERKARA 32 – PINDAAN PERATURAN BIRO

Peraturan BKKMAF Bandar Baru Selayang tidak boleh dipinda kecuali dengan persetujuan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa. Sebarang pindaan kepada Peraturan ini hendaklah dimaklumkan kepada ahli BKKMAF Bandar Baru Selayang dalam tempoh 60 hari dari tarikh keputusan tersebut.

PERKARA 33 – PEMBUBARAN

BKKMAF Bandar Baru Selayang boleh dibubarkan tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang diguna pakai oleh Masjid Al-Firdaus, Bandar Baru Selayang.

.....
- Akhir Dokumen -